

TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' SRI ZOHARI BIN HAJI AKOB
KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN KERJA RAYA**

SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN MINI KEMPEN KESEDARAN

INTEGRITI TAHUN 2016

KEMENTERIAN KERJA RAYA

1 SEPTEMBER 2016

(KHAMIS)

Terima kasih saudara Pengacara Majlis

YBhg. Datuk Haji Sarani bin Dollah
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

YBhg. Dato' Abdul Razak bin Jaafar
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan)

YBrs. Encik Mohd Fuad Bee Bin Haji Basrah Bee
Pengarah Unit Integriti

Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian, dan seterusnya YBhg. Dato'-
Dato', Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam sejahtera dan
Salam Satu Malaysia,

1. Terlebih dahulu saya memanjatkan rasa syukur kerana dengan
limpah dan kurnia-Nya dapat kita bersama-sama berhimpun pada pagi
ini dalam semangat dan iltizam yang tinggi sempena penganjuran majlis
perasmian ini. Saya mengalu-alukan dan mengucapkan Selamat Datang
dan terima kasih kepada semua hadirin kerana sudi meluangkan masa
untuk memeriahkan lagi majlis ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

2. Perkhidmatan awam sentiasa berdepan dengan realiti semasa yang
mana teras perkhidmatan awam adalah untuk menyampaikan
perkhidmatan yang mempunyai nilai tambah (value added) kepada
rakyat. Kerajaan kini terus komited membentuk perkhidmatan awam

yang berprestasi tinggi dan berinovasi kerana rakyat semakin peka, berpendidikan tinggi dan mempunyai espektasi yang tinggi terhadap sistem perkhidmatan awam. Sistem tadbir urus sektor awam yang baik dan budaya kerja berkualiti merupakan landasan utama dalam meningkatkan keyakinan rakyat terhadap keupayaan Kerajaan melaksanakan dasar yang dimandatkan.

3. Perkhidmatan awam yang cekap, telus dan berintegriti adalah dituntut oleh rakyat dalam melaksanakan amanah yang diberikan dengan adil dan berhemah. Malah nilai Integriti telah diangkat sebagai salah satu daripada empat nilai asas pentadbiran kerajaan di bawah pimpinan YAB Perdana Menteri dalam usaha mentransformasikan negara kearah negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Penjawat awam hari ini berdepan dengan pelbagai cabaran kesan daripada perubahan persekitaran kerja yang semakin kompleks. Perkhidmatan yang disediakan kerajaan sering dipandang negatif oleh masyarakat kerana mereka beranggapan kelemahan ini disebabkan oleh penjawat awam itu sendiri.

4. Sehubungan itu, pihak Kerajaan sentiasa mengambil langkah pro-aktif untuk memantapkan integriti bagi memastikan penjawat awam menjunjung dan menegakkan prinsip integriti serta akauntabiliti ke arah mencapai sistem penyampaian perkhidmatan awam yang lebih telus, cemerlang dan berdaya saing tinggi. Sehubungan itu Kerajaan telah bersetuju untuk menubuhkan Unit Integriti di semua agensi awam berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013 sebagai *focal point* kepada pengurusan isu-isu berkaitan Integriti. Selaras dengan matlamat tersebut, Unit integriti, Kementerian Kerja Raya Malaysia telah ditubuhkan pada Mac 2014 bertujuan untuk memastikan

warga kementerian mengamalkan budaya kerja unggul dengan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh. Penubuhan ini juga diharap dapat membendung salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi di kalangan penjawat awam.

5. Semenjak penubuhannya pada Mac 2014, pelbagai inisiatif telah dirancang dan dilaksanakan untuk memastikan hasrat yang dipertanggungjawabkan oleh kerajaan telah tercapai. Sebagai contoh sambutan Hari Integriti Kementerian Kerja Raya yang julung-julung kali diadakan pada 26 November 2015 yang lalu bertujuan untuk memupuk kesedaran dalam kalangan warga Kementerian dan agensi-agensi lain di bawahnya mengenai keperluan dan kepentingan membina nilai-nilai murni dan berintegriti.

Para Hadirin yang saya hormati sekalian

6. Penganjuran mini kempen kesedaran Integriti ini juga dilihat sebagai satu platform terbaik dalam memupuk kesedaran dan kefahaman warga Kementerian berkaitan isu-isu pematuhan dalam prosedur dan peraturan jabatan. Mengangkat moto mini kempen ini iaitu “Integriti Teras Peribadi”, ia memfokuskan mengenai pemantapan integriti yang perlu lahir dalam diri setiap warga Kementerian Kerja Raya. Hal ini kerana Integriti itu sendiri bermaksud akhlak, perangai atau tingkahlaku seseorang dalam apa keadaan termasuklah ketika menjalankan tugas seharian.

7. Integriti dalam perkhidmatan awam bukan hanya memfokuskan mengenai isu-isu rasuah, pematuhan berkaitan sistem dan prosedur kerja, tatacara kewangan dan isu-isu tatatertib malahan ia juga meliputi

segala aspek budaya kerja seperti menjalankan tugas dengan penuh dedikasi dan menjalin hubungan yang baik antara ketua jabatan, rakan sekerja dan juga kakitangan sokongan. Budaya kerja yang berintegriti ini harus dipraktikkan dalam diri setiap warga Kementerian dalam pembentukan sebuah organisasi yang cemerlang dan berkualiti.

8. Menurut Aristotle, individu yang bermoral adalah individu yang melakukan tindakan yang betul secara konsisten dan sehati dalam dirinya yang telah dibentuk dengan baik melalui kebiasaan dan latihan. Integriti mempunyai hubungan positif kepada 3 aspek utama iaitu kesejahteraan individu, komuniti dan juga organisasi. Hal ini jelas menunjukkan bahawa individu bertanggungjawab ke atas pembentukan integriti mereka dan kakitangan yang berkualiti adalah penyumbang utama dalam kejayaan sesebuah organisasi.

Hadirin yang saya hormati,

9. Sebagai penjawat awam, kita seharusnya mempraktikkan segala nilai dan etika perkhidmatan awam Malaysia kerana penjawat awam adalah cermin dan tauladan kepada masyarakat Malaysia melalui perkhidmatan yang baik dan berkualiti. Nilai-nilai ini harus dikongsi bersama dalam pelbagai kempen dan dasar-dasar yang digubal oleh kerajaan serta diwartakan melalui perantaraan media massa dan program-program khusus di seluruh Negara. Nilai dan etika perkhidmatan awam juga terkandung dalam Tonggak Dua Belas yang berasaskan tujuh teras etika perkhidmatan awam iaitu: berazam meningkatkan mutu perkhidmatan, bekerja dengan penuh tanggungjawab, berusaha mengikis sikap mementingkan diri, bekerja dengan penuh muhibbah dan kemesraan, bekerja ke arah memajukan

pemikiran rakyat dan pembangunan negara, bekerjasama dalam membentaras kelemahan serta musuh negara dan berpegang teguh kepada ajaran agama.

Kesimpulan

10. Sebagai penutup saya dapat simpulkan bahawa integriti sewajarnya menjadi pegangan kukuh dalam diri setiap daripada kita. Integriti ini bukan sahaja menjadi amalan dan pakaian kita secara peribadi, sebaliknya mesti diamalkan oleh setiap individu di dalam organisasi. Hal ini penting kerana apabila kita mempunyai kesedaran, kepercayaan serta menjadikan integriti sebagai amalan seharian, maka akan wujudlah satu persekitaran kondusif untuk pembudayaan nilai integriti dalam sesebuah organisasi. Jika ini berlaku, impaknya signifikan terutama dalam keberkesanan dan kecekapan dalam sistem penyampaian dan seterusnya akan meningkatkan produktiviti organisasi.

Penutup

Akhir kata, sekali lagi, saya ucapkan syabas dan tahniah kepada Unit Integriti KKR selaku penganjur dan saya yakin penganjuran majlis ini mampu menyemarakkan semangat berintegriti dalam kalangan warga Kementerian khususnya dan Perkhidmatan Awam umumnya. Semoga negara kita terus kukuh, maju dan sentiasa di bawah payung kerahmatan oleh Allah SWT...Aamiin.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan Mini Kempen Kesedaran Integriti Tahun 2016 Kementerian Kerja Raya.

Sekian, Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.